



Malaysia Competition Commission

**Siri Seminar Persaingan 2019: Transformasi Perniagaan Melalui
Pematuhan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan 2010**

**27 Ogos 2019
Four Points by Sheraton, Sandakan, Sabah**




Program Pematuhan Persaingan MyCC

PROGRAM PEMATUHAN PERSAINGAN

Semua perniagaan, kecil atau besar,
harus mematuhi Akta Persaingan 2010

***MyCC Competition Compliance Guidelines*

***<http://e-learning.mycc.gov.my>*



SENARAI SEMAK UNTUK PERNIAGAAN

Nasihat MyCC kepada semua perniagaan:

- ✓ Pastikan anda memahami obligasi (kewajipan) di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010)
- ✓ Pastikan staf anda faham bahawa AP 2010 adalah terpakai kepada perniagaan anda
- ✓ Adakan kursus latihan untuk staf anda bagi memamahi AP 2010
- ✓ Amalkan budaya pematuhan persaingan dalam perniagaan anda
- ✓ Kaji semula amalan perniagaan anda dan kenal pasti sekiranya terdapat bahagian berisiko

SENARAI SEMAK UNTUK PERNIAGAAN

- ✓ Ambil langkah-langkah yang sesuai untuk menangani risiko-risiko yang telah dikenal pasti
- ✓ Wujudkan buku panduan atau senarai semak pematuhan undang-undang persaingan
- ✓ Lantik pegawai pematuhan
- ✓ Lakukan kajian semula dengan kerap untuk memastikan program pematuhan berjalan baik
- ✓ Sila hadiri mesyuarat persatuan profesional atau perdagangan anda, **tetapi:**

SENARAI SEMAK UNTUK PERNIAGAAN

- ✖ **JANGAN** bincangkan aspek sensitif perdagangan seperti penetapan harga, pengeluaran atau tender

- ✖ **JANGAN** adakan sebarang persetujuan dengan pesaing-pesaing anda berkenaan dengan:
 - Harga bagi produk/perkhidmatan anda;
 - Pasaran yang anda beroperasi;
 - Pembatasan pengeluaran; atau
 - Syarikat mana yang akan membida untuk tender tertentu

SENARAI SEMAK UNTUK PERNIAGAAN

- ✓ Bersainglah sedaya upaya anda dalam pasaran, tetapi:
- ✖ **JANGAN** salah guna kuasa anda dalam pasaran jika anda berkedudukan dominan
- ✓ Pastikan pekerja-pekerja anda memahami kuasa MyCC untuk menjalankan penyiasatan, terutamanya kuasa untuk meminta maklumat dan dokumen serta menggeledah premis

SENARAI SEMAK UNTUK PERNIAGAAN


INGAT!

Manfaat yang diperoleh kerana melaksanakan program pematuhan persaingan berkemungkinan akan jauh mengatasi potensi kos yang dibelanjakan sekiranya disabit pelanggaran

Sistem e-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan

**[The e-Learning System of
Competition Compliance
Programme (CCP)]**

SISTEM E-PEMBELAJARAN PROGRAM PEMATUHAN PERSAINGAN



The website features a large banner at the top with the MyCC logo and the text "SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA" and "MALAYSIA COMPETITION COMMISSION". Below the banner is a navigation menu with links to "MENGENAI MYCC", "HUBUNGAN ANTARABANGSA", "PERUNDANGAN", "KEPUTUSAN", "ADVOKASI", "BERITA", "PENERBITAN", "E-PERKHIDMATAN", and "PEROLEHAN". On the right side of the banner, there is a vertical sidebar with links to "PENYELIDIKAN PROGRAM GERAN", "E-PEMBELAJARAN" (which is highlighted in black), "E-AUDUAN", "MEMOHON UNTUK KELONGGARAN", "MEMOHON PENGECUALIAN", "STATISTIK", and "E-PENYERTAAN". A red button labeled "VIDEO KORPORAT" is also visible on the left side of the banner.

Menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di Malaysia

VIDEO KORPORAT

PENYELIDIKAN PROGRAM GERAN

E-PEMBELAJARAN

E-AUDUAN

MEMOHON UNTUK KELONGGARAN

MEMOHON PENGECUALIAN

STATISTIK

E-PENYERTAAN

PROGRAM PEMATUHAN PERSAINGAN



Selamat Datang ke
**Suruhanjaya
Persaingan Malaysia**
**e-Pembelajaran Program
Pematuhan Persaingan**
Berkenaan Pematuhan Persaingan Malaysia

Halaman Log Masuk

EN BM

Log masuk
Nama Pengguna

nikburhan93

.....

Log Masuk

Permintaan Kata Laluan Baharu
Buat akaun baharu

PROGRAM PEMATUHAN PERSAINGAN

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
Malaysia Competition Commission

EN

BM

Program Pematuhan Persaingan

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

0%



MAKLUMAT



Subjek

BERKENAAN LATIHANINI

Program Pematuhan Pertandingan (CCP) dilancarkan Untuk Meningkatkan Pematuhan dan Pengetahuan terhadap Akta Persaingan 2010 Antara Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). CLP Yang Dilancarkan Pada 6 Mac 2017 Adalah untuk Membangunkan budaya Kebudayaan Dinamik, Kompetitif, Berpengetahuan Dan Mematuhi akta. Setiap Peserta Yang berjaya menyelesaikan Modul Akan menerima Sijil.

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

Modul 1: Adakah Perniagaan Saya PKS?

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
Malaysia Competition Commission

EN

BM

Modul 1

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

0%



Pengenalan

PKS adalah sangat penting kepada ekonomi Malaysia kerana ia terdiri daripada sebahagian besar atau 97% daripada kesemua perniagaan di negara ini. PKS menyumbang kepada peningkatan peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2015, jumlah PKS meliputi hanya lebih 36% daripada keseluruhan KDNK. Pihak kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada 41% daripada KDNK menjelang 2020.

Disamping memupuk pertumbuhan dan pendapatan, PKS juga amat penting dalam menyediakan peluang pekerjaan. Kini, seramai 65.5% rakyat Malaysia bekerja dengan PKS, ini bermakna dua daripada setiap tiga orang rakyat Malaysia bekerja dengan PKS.

Definisi PKS

Definisi baru PKS yang standard telah digunakan di Malaysia sejak Januari 2014. Definisi ini merangkumi semua sektor ekonomi – perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan, dan perlombongan dan pengkuarian (Lihat Kotak 1 untuk pengelasan terperinci PKS).



Modul 1: Adakah Perniagaan Saya PKS?

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
Malaysia Competition Commission



EN

BM

Lulus

1. Aktiviti 1

Tidak markah yang diambil

2. Penilaian Modul 1

Markah: 100 daripada 100



[SETERUSNYA](#)

Modul 2: Apakah Ciri-ciri Utama dalam Akta Persaingan 2010?



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
Malaysia Competition Commission

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)







EN

BM

Modul 2

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

20%





Pengenalan

Persaingan berlaku dalam semua lingkungan aktiviti manusia. Manusia bersaing untuk kecemerlangan akademik, kedudukan, pengaruh, kekayaan, dan kuasa. Ringkasnya, orang dan organisasi berusaha memperoleh perkara yang juga dicari oleh orang lain.

Persaingan boleh membawa kepada usaha yang lebih gigih, prestasi yang lebih bagus, dan hasil yang lebih baik, bukan hanya untuk pesaing-pesaing tetapi juga untuk masyarakat secara keseluruhannya. Justeru, masyarakat menyambut baik persaingan. Namun masyarakat menghendaki para pesaing bersaing secara adil. Kita ingin setiap orang diberi peluang untuk bersaing dan hasilnya tidak ditentukan oleh bias atau pakatan. Kita mahukan kemenangan untuk pesaing terbaik.

Syarikat-syarikat perniagaan juga bersaing. Persaingan perniagaan bermaksud persaingan antara syarikat-syarikat perniagaan untuk mendapatkan pengguna atau pasaran dengan menempatkan diri pada kedudukan yang lebih unggul berbanding syarikat-syarikat lain. Seperti dalam lingkungan aktiviti lain, masyarakat mengharapkan syarikat-syarikat perniagaan bersaing secara adil.

◀ 1 / 15 ▶





[KEMBALI](#)

[SETERUSNYA](#)

Modul 3: Apa itu Perjanjian Anti-Persaingan?

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
Malaysia Competition Commission

EN

BM

Modul 3

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

40%



Pengenalan

Dalam Modul 2, telah dimaklumi bahawa AP 2010 melarang dua bentuk amalan antipersaingan – perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Modul ini membincangkan tentang larangan yang pertama iaitu perjanjian antipersaingan. (Larangan yang kedua dibincangkan dalam Modul 4).

Sasaran yang paling nyata dalam undang-undang persaingan ialah perjanjian antara perusahaan-perusahaan bebas yang menyekat persaingan. Suatu perjanjian mungkin menyekat persaingan antara pihak-pihak dalam perjanjian itu sendiri. Selain itu, perjanjian itu mungkin menyekat persaingan antara perusahaan- perusahaan yang merupakan pihak-pihak dalam perjanjian dengan perusahaan- perusahaan lain dalam pasaran.

Terdapat satu aspek definisi yang perlu diambil perhatian di sini. Kita telah maklum dalam Modul 2 bahawa AP 2010 mentakrifkan suatu perusahaan seperti berikut:

"apa-apa entiti yang menjalankan aktiviti komersial yang berhubungan dengan barang atau perkhidmatan, dan bagi maksud Akta ini, suatu syarikat induk dan subsidiari hendaklah disifatkan sebagai perusahaan tunggal jika, walaupun mempunyai entiti berasingan di sisi undang-undang, kedua-duanya membentuk suatu unit ekonomi tunggal yang dalamnya subsidiari itu tidak mempunyai autonomi sebenar dalam menentukan tindakan subsidiari itu dalam pasaran".



Modul 4: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
Malaysia Competition Commission

EN

BM

Modul 4

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

60%



Pengenalan

Secara umum, perusahaan sepertutnya bebas untuk menentukan harga barang dan perkhidmatan dan memutuskan jenis pelanggan yang hendak dilayan. Pasaran sendiri akan memberi ganjaran kepada perusahaan itu atas keputusan yang baik dan menghukumnya atas keputusan buruk yang dibuat. Keadaan inilah yang dikatakan pasaran bebas.

Walau bagaimanapun, terdapat situasi berlakunya kegagalan mekanisme pasaran bebas. Perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran signifikan (jaitu dominans) dalam pasaran mungkin menyalahgunakan dominans untuk mengeluarkan pesaing-pesaing yang lebih kecil daripada pasaran melalui kaedah antipersaingan.

Penting untuk dimaklumi bahawa berada di kedudukan dominan semata-mata tidak menyalahi AP 2010 tetapi yang menjadi larangan ialah penyalahgunaan kedudukan dominan itu.

Modul ini membincangkan Bahagian 2 Bab 2 (Seksyen 10) AP 2010 yang melarang perusahaan daripada terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran barang dan perkhidmatan.



Modul 5: Apa Yang Perlu Dilakukan Untuk Memastikan PKS Patuh Pada Akta Persaingan 2010?

[Kembali ke Laman Web Korporat](#)SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
Malaysia Competition Commission

EN

BM

Modul 5

KEMAJUAN LATIHAN GLOBAL

80%



Pengenalan

MyCC dengan ini, mencadangkan semua perniagaan di Malaysia termasuk PKS mengambil langkah-langkah untuk mematuhi AP 2010.

Undang-undang persaingan ialah bidang undang-undang baharu di Malaysia dan sesuatu yang belum difahami dengan baik terutamanya dalam kalangan PKS. Namun, perlakuan pekerja-pekerja anda pada semua peringkat boleh mengakibatkan perusahaan anda melanggar peruntukan AP 2010. Kurang pengetahuan terhadap undang-undang bukanlah alasan bagi ketidakpatuhan.

Adalah langkah yang bijak sekiranya pemilik dan pihak pengurusan perusahaan mewujudkan polisi dan prosedur yang bertujuan mendidik dan mengingatkan pekerja-pekerja mereka akan larangan-larangan AP 2010.



THANK YOU



www.mycc.gov.my